

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI KHAMIS, 25 MEI 2023, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 2

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

1. PR-1522-MQT2236

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah langkah ke hadapan yang akan dilaksanakan, susulan daripada keputusan yang diperoleh dalam Sukan SEA 2023 di Kemboja.

2. PR-1522-MQT2242

Tuan Lo Su Fui [Tawau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah komitmen Kerajaan Persekutuan untuk membantu menyelesaikan isu bekalan air di Sabah sebagaimana yang dinyatakan dalam Konvensyen Nasional Kerajaan Perpaduan baru-baru ini termasuk pendekatan mengambil alih pengurusan air di Sabah sebagaimana yang dilaporkan oleh media tertentu yang dikhawatir bertentangan dengan semangat Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) dan apakah peranan Bahagian Hal Ehwal Sabah dan Sarawak (BHESS), JPM dalam memastikan komitmen ini dilaksanakan.

3. PR-1522-MQT2233

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan berapa jumlah perbelanjaan subsidi yang telah dijimatkan oleh Kerajaan ekoran pelarasian Imbalance Cost Pass-Through (ICPT) pada Januari 2023, dan apakah langkah-langkah lain yang sedang dirancang oleh Kerajaan untuk merasionalisasikan subsidi tenaga elektrik di Malaysia.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI KHAMIS, 25 MEI 2023, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 35

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1522-L19660

Tuan Lim Lip Eng [Kepong] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan berapa dana wang dan tan subsidi minyak masak yang telah diluluskan pada tahun 2022 dan 2023, dan nama syarikat-syarikat yang diberi kelulusan tersebut.

2. PR-1522-L20334

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha memartabatkan pentadbiran Mahkamah Syariah yang menyeluruh termasuklah dari segi hukuman kesalahan jenayah syariah, perlantikan hakim syari'e dan sebagainya.

3. PR-1522-L20621

Tuan Wong Chen [Subang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tahap keberkesanan Pusat Respons Scam Kebangsaan dalam menangani isu penipuan kewangan dalam talian, termasuk bilangan laporan yang diterima dan bilangan kes yang ditutup.

4. PR-1522-L20252

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah kaedah yang diguna pakai oleh Kementerian untuk mengawal dan membendung lambakan sijil-sijil akademik khususnya Ijazah, Sarjana dan Doktor Falsafah (PhD) yang didapati sangat mudah dibeli dari institusi pengajian tinggi swasta negara ini. Berapa banyak kes seumpamanya direkodkan serta tindakan yang diambil terhadap pihak yang terbabit dalam isu ini.

5. PR-1522-L20021

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan definisi sebenar mangsa bencana banjir dan syarat-syarat yang perlu dipatuhi bagi memboleh atau melayakkan seseorang itu untuk membuat permohonan serta menerima sebarang kategori bantuan daripada Kerajaan.

6. PR-1522-L20381

Tuan Mohd Syahir bin Che Sulaiman [Bachok] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah kemajuan yang telah dicapai oleh Kerajaan untuk mengurangkan kadar kemiskinan dan menghapuskan kemiskinan tegar sejak 6 bulan yang lalu.

7. PR-1522-L19781

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan dasar pengambilan pelajar asing untuk mengikuti kursus di universiti awam dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) dan apakah insentif terbaru yang akan diperkenal Kementerian untuk menarik lebih ramai pelajar asing dan seterusnya menjadikan Malaysia sebagai Hub Pendidikan Serantau.

8. PR-1522-L19651

Datuk Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan secara terperinci geran-geran untuk usahawan yang terdapat di beberapa agensi di bawah Kementerian dan apakan syarat-syarat dan terma untuk memohon geran-geran tersebut.

9. PR-1522-L19531

Dato' Sri Sh Mohamed Puzi bin Sh Ali [Pekan] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan kaedah dan perancangan holistik bagi menangani dan membasmi kemiskinan di Malaysia dan sejauh manakah kemampuan Kerajaan untuk mengurangkan jurang ketidaksamarataan dalam kalangan masyarakat.

10. PR-1522-L20284

Tuan Mohd Nazri bin Abu Hassan [Merbok] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah usaha dalam memastikan barang kawalan di seluruh negara terutamanya di Parlimen Merbok sentiasa mencukupi dan bagaimanakah kerja pemantauan tersebut dijalankan.

11. PR-1522-L20125

Tuan Mohamad Shafizan Haji Kepli [Batang Luper] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan apakah tindakan Kementerian dalam menyelesaikan isu liputan internet yang sering terganggu dan tidak stabil sewaktu musim perayaan khususnya di kawasan luar bandar.

12. PR-1522-L20936

Dato' Sri Saifuddin Abdullah [Indera Mahkota] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan :-

- (a) pendekatan Kementerian untuk meningkatkan kadar penyertaan murid dalam program pendidikan sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) pada peringkat menengah atas dan universiti yang rendah berbanding sasaran nisbah 60:40; dan
- (b) usaha proaktif Kerajaan untuk meningkatkan pengambilan pekerjaan dalam kalangan wanita yang tamat pengajian dalam bidang STEM supaya setara dengan golongan lelaki berdasarkan laporan KPT Graduate Tracer Study 2015 – 2021.

13. PR-1522-L20045

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan bagaimana Kerajaan memastikan wujudnya keadaan pasaran yang menggalakkan untuk peniaga-peniaga tempatan SMEs dan MSMEs di dalam pasaran platform digital e-dagang, berbanding dengan peniaga-peniaga asing yang turut bersama berniaga di platform tersebut.

14. PR-1522-L20769

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan sejauh manakah konsep jualan Rahmah berjaya membantu mengurangkan beban rakyat yang berdepan kos sara hidup tinggi sedangkan harga barang mentah naik dan gagal dikawal dengan baik hingga membebankan peniaga.

15. PR-1522-L20063

Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan :-

- (a) apakah cadangan komposisi dan kuasa Majlis Media Malaysia yang akan ditubuhkan kelak; dan
- (b) sama ada terdapat rancangan untuk merangka kod etika kewartawanan yang terpakai ke atas pengamal media.

16. PR-1522-L20495

Tuan Zulkifli bin Ismail [Jasin] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah persediaan yang dilakukan para agamawan dan cendekiawan di negara ini terhadap isu dan cabaran teknologi moden terutama sekali penggunaan Teknologi Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence) daripada sudut pandang dan panduan agama.

17. PR-1522-L20064

Tuan Manndzri bin Nasib [Tenggara] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah kos kerosakan melibatkan tanah-tanah rancangan FELDA kesan musibah hujan lebat/banjir pada Mac 2023 lalu terutama berkaitan hakisan tanah serius, tanah runtuh, jalan putus dan jambatan rosak.

18. PR-1522-L20972

Datuk Ali anak Biju [Saratok] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan status terkini pembinaan 11 menara telekomunikasi baru di bawah Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) di kawasan P.205 Saratok.

19. PR-1522-L20108

Datuk Seri Panglima Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan bantuan-bantuan yang telah disalurkan kepada golongan penjaja dan peniaga industri kecil dan sederhana. Berapa jumlah peniaga yang telah mendapat manfaat dari bantuan-bantuan ini.

20. PR-1522-L20296

Dato' Khlir bin Mohd Nor [Ketereh] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan berapakah bilangan Veteran ATM yang menuntut penyelarasan pencen dan apakah status terkini penyelarasan pencen mereka iaitu mereka yang berpencen sebelum 1 Januari 2013.

21. PR-1522-L19992

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan rancangan yang sedang dibuat untuk mengatasi masalah kemungkinan Kerajaan tidak mampu membayar pencegah pegawai-pegawai Kerajaan bersara menjelang tahun 2030.

22. PR-1522-L21023

Datuk Andi Muhammad Suryady bin Bandy [Kalabakan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bentuk mekanisme secara holistik dan bersepada yang dirangka oleh pihak Kerajaan di dalam menguruskan isu-isu berkaitan status 'rakyat tanpa negara' khususnya di kawasan Pantai Timur Sabah.

23. PR-1522-L21000

Tuan Azli bin Yusof [Shah Alam] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan :-

- (a) adakah Kementerian ingin melaksanakan satu mekanisme untuk mempromosi ATM di institusi pengajian tinggi untuk menarik minat kaum bukan Melayu untuk menyertai ATM. Kini, peratusan bukan Bumiputera hanyalah pada 3% ; dan
- (b) adakah terdapat perancangan di peringkat Kementerian untuk mewujudkan semula program khidmat negara bagi lepasan institusi pengajian tinggi awam/swasta .

24. PR-1522-L20947

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang supaya manapun Menteri yang terlibat dengan siasatan SPRM untuk sekurang-kurangnya direhatkan sementara dari tugas sebagai Menteri. Ini bagi memberi ruang kepada pihak SPRM untuk menjalankan siasatan sepenuhnya sebagai tanggungjawab kolektif Kerajaan, seperti mana prinsip tatakelola yang dijanjikan oleh YAB Perdana Menteri.

25. PR-1522-L19614

Datuk Seri Utama Hasni bin Mohammad [Simpang Renggam] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan apakah perkembangan terkini 19 MoU dari China yang berjumlah RM170 bilion yang ditandatangani YAB PM bulan lalu.

26. PR-1522-L20019

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan perancangan jangka pendek, sederhana dan panjang kementerian bagi menangani kenaikan harga barang dan adakah strategi atau langkah yang akan diambil akan mengambil kira zon atau wilayah-wilayah di dalam Malaysia.

27. PR-1522-L20434

Tuan Haji Bakri bin Jamaluddin [Tangga Batu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perbandingan trend dan bilangan kes *online scamming* mengikut tahun, negeri, umur, etnik mangsa dan jumlah wang yang terlibat untuk jangka masa lima tahun kebelakang dari tahun 2018 – 2023 (terkini) dan juga berapa bilangan *scammer* yang telah ditangkap dan dijatuhi hukuman.

28. PR-1522-L20093

Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan bagaimana Kerajaan akan mengawal selia pengumpulan dan penggunaan data perniagaan e-dagang (data bukan sensitif tetapi mempunyai kepentingan ekonomi) oleh platform e-dagang demi memastikan penguasaan segala data diperolehi Kerajaan bagi tujuan mendalamai pergerakan dan tingkah laku pasaran. Apakah mekanisme yang akan digunakan untuk memperolehi data bagi membuat pengawasan dan pemeriksaan tingkah laku antipersaingan seperti mana yang dilaksanakan EU iaitu mewajibkan laporan usaha waja (*due diligence*) oleh penyedia platform setiap 2 tahun.

29. PR-1522-L19641

Datuk Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa banyak penyaluran dana sama ada pinjaman ataupun geran di bawah Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) dalam tempoh 10 tahun untuk membantu para usahawan dan berapa peratus pulangan semula pinjaman dana ini dibayar semula oleh para usahawan kepada pihak PUNB.

30. PR-1522-L19623

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan jumlah eksport, import dan imbalan perdagangan di antara Malaysia dengan China dari tahun 2017 hingga 2022.

31. PR-1522-L20353

Datuk Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan penjelasan berhubung pembayaran royalti minyak kepada Kerajaan Negeri Kelantan sebagaimana yang termaktub dalam Fasal 1(1) Perjanjian Kerajaan Kelantan dan Petronas pada 9 Mei 1975. Malah, kenyataan yang dikeluarkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Intitusi) juga tidak tepat memandangkan Akta Laut Wilayah 2012 (Akta 750) telah ditolak dalam persidangan Dewan Undangan Negeri Kelantan pada 5 November 2015.

32. PR-1522-L19754

Puan Wong Shu Qi [Kluang] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan penaakulan keputusan untuk menukar model pasaran infrastruktur 5G dari rangkaian borong tunggal (SWN) ke dwi rangkaian borong selepas DNB mencapai sasaran 80% liputan di kawasan berpenduduk seluruh negara.

33. PR-1522-L20733

Datuk Haji Awang bin Hashim [Pendang] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan tahap kebebasan media (*media freedom*) yang dipraktikkan di Malaysia dan apakah bidang kuasa yang digunakan dalam mengawal penyebaran bahan-bahan yang mampu menggugat ketenteraman awam.

34. PR-1522-L19925

Tuan Edwin anak Banta [Selangau] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan kaedah yang digunakan untuk mengkategorikan bahawa sesebuah daerah itu adalah daerah termiskin (*poorest district*) di Malaysia dan secara spesifiknya bagaimana daerah Selangau di Sarawak boleh dikategorikan sebagai salah satu daripada 7 daerah termiskin di Sarawak.

35. PR-1522-L20532

Dato' Ahmad bin Saad @ Yahaya [Pokok Sena] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan relevansi mengadakan sekali lagi sesi libat urus pembentangan RUU Dana Politik selepas sesi yang sama telah diadakan pada September tahun lalu.

36. PR-1522-L19657

Datuk Jonathan Yasin [Ranau] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan langkah-langkah yang dilakukan Kerajaan untuk memuktamad atau menyelesaikan isu kemiskinan bagi keluarga kategori miskin di daerah Ranau yang berjumlah 4,301 dan juga di seluruh Sabah seperti hasrat murni Kerajaan Madani di bawah Perdana Menteri.

37. PR-1522-L20499

Tuan Afnan Hamimi bin Taib Azamudden [Alor Setar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian terkini terhadap pelaksanaan konsep federalisme antara Kerajaan Persekutuan dan agensi-agensi Persekutuan dengan Kerajaan Negeri Kedah.

38. PR-1522-L19938

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein [Sembrong] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan nyatakan di manakah punca sebenar dalam rantaian bekalan dan permintaan yang mendorong pada peningkatan inflasi dan menjaskan kuasa beli pengguna.

39. PR-1522-L20628

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan kesiapsiagaan aset-aset ketenteraan Malaysia khususnya di perairan Laut China Selatan memandangkan terdapat tekanan antara beberapa buah negara seperti US, China, Filipina dan Australia.

40. PR-1522-L20133

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan jumlah kandungan Tik Tok yang disekat kerana mengkritik Kerajaan Perpaduan.

41. PR-1522-L20961

Tuan Haji Mohd Hasnizan bin Harun [Hulu Selangor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pemerksaan undang-undang Syariah dan ekonomi Islam mengikut konsep Al-Falah yang dibawa oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama).

42. PR-1522-L20994

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan status terkini tindakan terhadap laporan PAC serta siasatan SPRM berhubung skandal rasuah LCS TLDM.

43. PR-1522-L19906

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk memastikan peruntukan yang diberikan kepada Unit Transformasi Masyarakat India (MITRA) digunakan untuk tujuan meningkatkan sosio-ekonomi masyarakat India .

44. PR-1522-L20886

Tuan Fathul Huzir bin Ayob [Gerik] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status permohonan dan pembinaan perumahan Generasi Ke 2 FELDA di seluruh negara.

45. PR-1522-L20956

Tuan Haji Mohd Hasnizan bin Harun [Hulu Selangor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha dan langkah yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan bagi mengatasi masalah saham FGV yang merudum.

46. PR-1522-L20454

Tuan Haji Bakri bin Jamaluddin [Tangga Batu] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan bilakah program Diploma Fisioterapi yang tidak lagi selari dengan garis panduan dan keperluan WHO dan *World Confederation for Physical Therapists* (WCPT) hendak ditamatkan atau dijumudkan oleh pihak Kementerian dan *Malaysia Qualification Agency* (MQA).

47. PR-1522-L20199

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan berdasarkan lawatan Perdana Menteri ke China pada tempoh hari :-

- (a) sumber pelaburan RM170 bilion dari 19 Memorandum Persefahaman yang dimeterai; dan
- (b) sektor-sektor yang terlibat dalam pelaburan ini.

48. PR-1522-L19598

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Kubang Pasu] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan :-

- (a) apakah perancangan dan strategi Kementerian dalam usaha memperkasa industri halal bagi menjadikan Malaysia sebagai hab halal di peringkat global sejajar dengan Pelan Induk Industri Halal 2030; dan
- (b) apakah langkah Kementerian untuk meningkatkan nilai tambah produk halal tempatan bagi memenuhi permintaan global.

49. PR-1522-L20705

Datuk Wan Saifulruddin bin Wan Jan [Tasek Gelugor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan akan memasukkan dalam draf Akta Pendanaan Politik satu klausa untuk mewajibkan peruntukan tetap bagi Dana Pembangunan Kawasan Parlimen kepada semua Ahli Dewan Rakyat tanpa mengira parti, dan bilakah Akta Pendanaan Politik itu akan dibentangkan di Parlimen.

50. PR-1522-L20098

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan perincian penglibatan syarikat swasta dan GLC dalam pembangunan Ibu Kota Nusantara Indonesia serta cadangan membina lebuh raya atas landasan kereta api menghubungkan IKN dengan Sabah dan Sarawak.

51. PR-1522-L20846

Datuk Iskandar Dzulkarnain bin Abdul Khalid [Kuala Kangsar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pecahan perbelanjaan yang telah dibelanjakan sehingga kini bagi tujuan promosi dan pengiklanan jenama Malaysia Madani di seluruh negara.

52. PR-1522-L19575

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha untuk menyemak semula elaun kakitangan awam yang bertugas di bandar-bandar besar seluruh negara kerana dibebani dengan kos sara hidup yang tinggi.

53. PR-1522-L20514

Tan Sri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana siasatan SPRM terhadap parti-parti dalam kerajaan berhubung perbelanjaan ketika PRU-15 termasuk sumber dana.

54. PR-1522-L20058

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan komitmen, tindakan dan garis masa Kerajaan mendedahkan Laporan Jawatankuasa Khas Pembakaan Sistem dan Undang-Undang Pilihan Raya (ERC) kepada umum dan melaksanakan syor-syor reformasi pilihan raya yang dicadangkan dalam Laporan ERC tersebut.

55. PR-1522-L20897

Datuk Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan secara terperinci statistik miskin tegar di Kuala Terengganu dan juga statistik permohonan Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) oleh rakyat Kuala Terengganu.

56. PR-1522-L20473

Datuk Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah mangsa banjir di Sarawak pada awal bulan tahun 2023 yang lalu serta apakah bentuk sumbangan dan bantuan yang telah dihulurkan oleh Kerajaan dalam meringankan beban mangsa yang terlibat dengan musibah tersebut.

57. PR-1522-L20644

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan apakah usaha dan inisiatif strategik yang diambil oleh Kementerian untuk menarik lebih banyak pelaburan yang berkualiti dan bernilai tinggi ke negeri Pahang sekaligus mengukuhkan kedudukan negeri Pahang sebagai sebuah destinasi pelaburan pilihan.

58. PR-1522-L19522

Dato' Haji Adnan bin Haji Abu Hassan [Kuala Pilah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah dan usaha Kerajaan dalam menggalakkan firma guaman swasta melaksanakan bantuan guaman secara percuma atau pro bono bagi memastikan lebih ramai rakyat yang tidak berkemampuan mendapat hak untuk diwakili peguam.

59. PR-1522-L20640

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha dan perancangan terperinci Kerajaan susulan penangguhan pewartaan Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040 (PSKL 2040) sehingga akhir bulan Mei 2023 sebelum ia dapat dimuktamadkan.

60. PR-1522-L19894

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah kos pembinaan dan peruntukan yang telah dibelanja dan diluluskan oleh Kerajaan untuk tujuan Akademi Kehakiman di sebidang tanah dengan keluasan kira-kira 25 ekar di Nilai, Negeri Sembilan.

61. PR-1522-L20427

Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah jaminan Kerajaan dalam memastikan prinsip kebebasan institusi badan kehakiman sentiasa dipertahankan serta dilindungi daripada sebarang tekanan, pengaruh dan campur tangan pihak lain.

62. PR-1522-L20083

Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan bagaimanakah Kerajaan memastikan wujudnya keadaan pasaran yang menggalakkan untuk peniaga-peniaga tempatan SMEs dan MSMEs di dalam pasaran platform digital e-dagang berbanding dengan peniaga-peniaga asing yang turut bersama bermiaga di platform tersebut.

63. PR-1522-L20085

Tuan Haji Ahmad Johnie bin Zawawi [Igan] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan berapa jumlah veteran Angkatan Tentera Malaysia di Sarawak dan berapa jumlah yang berdaftar dengan Jabatan Hal Ehwal Veteran. Apakah usaha Kementerian bagi memastikan mereka ini berdaftar dengan JHEV ATM. Apakah jenis bantuan yang diberikan kepada mereka.

64. PR-1522-L20855

Dr. Ahmad Fakhruddin bin Fakhrurazi [Kuala Kedah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan peranan Kerajaan dalam menangani isu penghinaan agama yang berleluasa di media sosial.

65. PR-1522-L20251

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan berapa jumlah terkini perniagaan yang berdaftar dengan Kementerian untuk menyertai inisiatif Menu Rahmah. Adakah terdapat peniaga yang menarik diri daripada menyertai inisiatif ini sejak ia dilancarkan dan sekiranya ada, apakah punca ia berlaku.

66. PR-1522-L20641

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perincian terkini kos perbelanjaan bagi penjenamaan Kerajaan Malaysia Madani termasuk kos perunding, acara jelajah, percetakan, pembelian iklan, papan iklan *billboard*, sewaan bas, serta kos lain sejak ia mula dilancarkan pada 19 Januari 2023.

67. PR-1522-L19902

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha terkini Kerajaan dalam perancangan memisahkan peranan Peguam Negara dan pendakwa raya.

68. PR-1522-L19940

Tuan Chiew Choon Man [Miri] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian Kerajaan dan bila Kerajaan bersedia untuk memperuntukkan 35 peratus kerusi Dewan Rakyat kepada Sabah dan Sarawak bagi menegakkan semangat Perlembagaan Persekutuan dan memartabatkan kedudukan Sabah dan Sarawak dalam Persekutuan.

69. PR-1522-L20020

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perancangan jangka pendek, sederhana dan panjang untuk menyelesaikan masalah gangguan bekalan air di kawasan-kawasan tanah rancangan FELDA yang sering berlaku serta mengganggu urusan para penduduk.

70. PR-1522-L20320

Dato' Hajah Mumtaz binti Md Nawi [Tumpat] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan agensi dan pihak yang dipertanggungjawabkan memantau kandungan dan peranti digital mesra kanak-kanak kerana terdapat banyak laporan bahawa ia banyak menyumbangkan kepada terencatnya perkembangan interpersonal dan gejala sosial dalam kalangan generasi pelapis ini.

71. PR-1522-L20060

Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan berhasrat untuk membentangkan pindaan-pindaan terhadap Akta Profesjon Undang-undang (Akta 166) yang sebelum ini dimuktamadkan oleh Jabatan Peguam Negara berkenaan dengan bantuan guaman, latihan dalam kamar dan kuasa Majlis Peguam untuk membuat kaedah-kaedah mengawal selia amalan.

72. PR-1522-L20507

Tan Sri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah jaminan Kerajaan supaya badan penyiasat tidak dijadikan alat pendakwaan politik terhadap pembangkang.

73. PR-1522-L19669

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan apakah langkah Kementerian untuk memastikan mekanisme Industrial Linkage Programme (ILP) yang bertujuan meningkatkan lokalisasi industri automotif tidak dimanipulasi dan akhirnya tidak memberi manfaat kepada syarikat tempatan.

74. PR-1522-L20795

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan perancangan program-program jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang bagi meringankan kos sara hidup rakyat dan jangkaan tahun menoktahkan kemiskinan rakyat.

75. PR-1522-L19498

Tuan Cha Kee Chin [Rasah] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan secara terperinci apakah status terkini Payung Rahmah yang telah diperkenalkan sejak awal tahun ini, berapa produk atau perkhidmatan yang terlibat dan bagaimanakah sambutan daripada para pemegang taruh dan pengguna terhadap Payung Rahmah ini.

76. PR-1522-L20407

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status siasatan terhadap dakwaan bahawa terhadap parti-parti di dalam Perikatan Nasional mendapat sumbangan daripada dana judi di dalam kempen pilihan raya umum yang lepas.

77. PR-1522-L20145

Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Betong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha dan pelan kerajaan untuk menentukan setiap kumpulan etnik akan mendapat peluang sama rata dalam perkhidmatan awam khususnya pelbagai kumpulan etnik di Sabah dan Sarawak. Apakah strategi bagi mempastikan jawatan strategik juga disediakan sama rata kepada pelbagai kumpulan etnik.

78. PR-1522-L20193

Tuan Mohd Azizi bin Abu Naim [Gua Musang] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan apakah perancangan Kementerian dalam memastikan sepanjang jalan raya persekutuan dan jalan negeri mempunyai rangkaian perkhidmatan selular yang memuaskan.

79. PR-1522-L19658

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan apa perancangan Kementerian untuk kembali merancakkan eksport dalam sektor perkhidmatan yang masih kurang memberangsangkan pasca pandemik COVID-19.

80. PR-1522-L19762

Datuk Suhaimi bin Nasir [Libaran] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah langkah dan tindakan Kementerian dalam menangani krisis kenaikan harga barang secara mendadak yang sangat membebankan rakyat.

81. PR-1522-L20551

Tuan Haji Mohd Misbahul Munir bin Masduki [Parit Buntar] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan IPT yang terlibat dalam program *Purple Book* hingga kini dan berapakah dana yang dikumpul serta apakah status pelaksanaan *Purple Book* sekarang ini.

82. PR-1522-L19851

Tuan Haji Aminolhuda bin Hassan [Sri Gading] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah persempadan semula Parlimen dan DUN perlu dibuat memandangkan pertambahan pengundi disesetengah Parlimen melebihi 150 ribu walaupun bukan di kawasan bandar dan apakah pembaharuan-pembaharuan yang telah dilaksanakan oleh SPR untuk menambah baik proses pilihan raya Malaysia.

83. PR-1522-L19629

Kapten Dato' Dr. Zulkafperi bin Hanapi (Bersara) [Tanjong Karang] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan perancangan dan tindakan Kerajaan bagi menangani ketidakserataan penarafan bagi T20/M40/B40. Kerajaan dilihat seakan menafsirkan perbezaan pecahan ini secara pukul rata dan hanya dengan melihat jumlah pendapatan tanpa mengira bilangan isi rumah dan tanggungan .

84. PR-1522-L20197

Tuan Kesavan A/L Subramaniam [Sungai Siput] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berdasarkan maklumat Pengurusan Sumber Manusia (HRMIS), jumlah pegawai awam Persekutuan daripada kaum India yang sedang berkhidmat ketika ini adalah 41,168 orang iaitu 4.15% daripada jumlah keseluruhan penjawat awam. Apakah usaha-usaha Kerajaan bagi meningkatkan pengambilan dan pelantikan calon kaum India kepada 7% selari dengan nisbah komposisi penduduk kaum India di Malaysia.

85. PR-1522-L20865

Tuan Haji Muhammad Islahuddin bin Abas [Mersing] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) status penyaluran Bantuan Wang Ihsan (BWI) kepada mangsa banjir di daerah Mersing dan negeri Johor keseluruhannya akibat banjir yang berlaku pada Monsun Timur Laut yang lalu; dan
- (b) inisiatif Kerajaan untuk membina semula penempatan dan infrastruktur asas masyarakat Orang Asli yang terjejas banjir khasnya di daerah Mersing.

86. PR-1522-L20129

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan adakah Kementerian Pertahanan akan menambahbaik kemudahan pembelajaran di PERHEBAT, Sg. Buloh yang kini sudah usang dan masih menggunakan alat bantuan mengajar secara manual dalam usaha membantu latihan peralihan kepada bakal pesara Angkatan Tentera Malaysia (ATM) khususnya meningkatkan aspek kebolehpasaran kerja mereka dalam zaman teknologi 4 IR.

87. PR-1522-L20112

Datuk Seri Panglima Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan untuk menjelaskan status terkini dan perancangan Kerajaan berhubung tuntutan waris Sultan Sulu ke atas negeri Sabah.

88. PR-1522-L20420

Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah agenda dan program spesifik yang akan dilaksanakan oleh pihak Kerajaan untuk mengurangkan jurang pendapatan dalam kalangan kaum di Malaysia.

89. PR-1522-L20995

Tuan Azli bin Yusof [Shah Alam] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan :-

- (a) apakah pelaksanaan inisiatif Payung RAHMAH dapat diteruskan memandangkan ada reaksi positif dan juga negatif berkenaan inisiatif ini; dan
- (b) apakah pelan perancangan dalam pemberian insentif-insentif tertentu kepada peniaga dapat diberikan dalam masa terdekat ini .

90. PR-1522-L20525

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Besut] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan kenapa gangguan dan kekurangan bekalan gula satu (1) kilogram masih berterusan di Terengganu dan Kelantan walaupun kilang gula MSM di Johor dan Seberang Perai telah beroperasi semula pada 25 April 2023.

91. PR-1522-L19715

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem [Serian] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan sejauh mana tindakan telah diambil untuk mengawal-atur dan buka semula perdagangan dua hala sempadan Malaysia/Indonesia melalui sempadan Tebedu/Entikong.

92. PR-1522-L20726

Datuk Haji Awang bin Hashim [Pendang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian Kerajaan terhadap agenda pembentangan Rang Undang-Undang (RUU) Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) atau RUU 355 untuk dibahaskan di Parlimen seterusnya jangka masa sasaran untuk pelaksanaan serta penguatkuasaan RUU terbabit.

93. PR-1522-L19784

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan :-

- (a) status pelaksanaan rangkaian 5G di Malaysia dan kos keseluruhan model Single Wholesale Network (SWN) yang ditawarkan kepada Syarikat Ericsson; dan
- (b) justifikasi Kementerian meluluskan peralihan kepada model dwirangkaian (*dual network*) selepas rangkaian 5G mencapai 80% liputan di kawasan berpenduduk dan implikasi kos terhadap Kementerian.

94. PR-1522-L20766

Tuan Muhammad Fawwaz bin Mohamad Jan [Permatang Pauh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan data kes profil tinggi yang telah digugurkan oleh Peguam Negara sejak 2018 sehingga 2023 dan alasan penguguran kes tersebut.

95. PR-1522-L20729

Datuk Wan Saifulruddin bin Wan Jan [Tasek Gelugor] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan adakah DNB akan terus wujud apabila Kementerian beranjak ke model dwirangkaian nanti atau adakah ia akan diserahkan kepada operator swasta. Jika diserahkan kepada swasta, apakah jaminan bahawa Kementerian boleh mendapatkan harga RM15 bilion seperti penilaian yang dibuat oleh Maybank Investment Bank sebelum ini.

96. PR-1522-L19771

Puan Wong Shu Qi [Kluang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian Kerajaan berkenaan permintaan siaran langsung mesyuarat prosiding Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara dan Jawatankuasa Pilihan Khas lain.

97. PR-1522-L20146

Dato' Seri Haji Aminuddin bin Harun [Port Dickson] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengenai kos yang ditanggung oleh bakal jemaah haji yang merayu, dan adakah cara untuk pihak Tabung Haji membantu dari segi subsidi kepada jemaah B40 yang merayu dan lulus.

98. PR-1522-L20565

Tuan Lee Chean Chung [Petaling Jaya] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah kemajuan terkini Kerajaan untuk meletakkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di bawah seliaan Parlimen dan apakah tindakan lanjut Kerajaan untuk memperkasakan SPM bagi memastikan kebebasan, ketelusan dan nilai integriti suruhanjaya tersebut terjamin.

99. PR-1522-L20991

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan jaminan kerajaan bahawa dasar baharu dwirangkain dalam pelaksanaan 5G negara tidak menjelaskan Digital National Berhad (DNB) sebagai sebuah GLC dan sejauh mana risiko terhadap keselamatan negara dapat dipastikan tidak terdedah.

100. PR-1522-L20937

Dr. Abd Ghani bin Ahmad [Jerlun] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan telah membuat kajian terhadap konsep diyat untuk mewajibkan pembayaran pampasan kepada keluarga atau waris mangsa susulan RUU Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023 telah diluluskan pada sesi persidangan Parlimen Mac 2023 dan sejauhmanakah kajian tersebut memberi impak yang positif untuk pelaksanaannya.

101. PR-1522-L20718

Tuan Rushdan bin Rusmi [Padang Besar] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan apakah rasionalnya Axiata Group Bhd melantik Vivek Sood sebagai Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Kumpulan yang baharu dan Pengarah Urusannya bermula 23 Mac 2023, adakah sudah tiada rakyat Malaysia yang berkemampuan untuk mengetuai syarikat telekomunikasi Malaysia ini.

102. PR-1522-L19926

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein [Sembrong] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah status pembinaan Kem Paloh yang difahamkan tertangguh pembinaannya walaupun kemajuan kerja hampir mencapai 55% peratus.

103. PR-1522-L20300

Dato' Khlir bin Mohd Nor [Ketereh] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang dibuat oleh Kementerian untuk mempercepatkan veteran yang bertugas sebelum 2 Disember 1989 mendapat penghargaan Pingat Jasa Malaysia (PJM) dan berapa elaun yang akan dikhususkan buat mereka.

104. PR-1522-L20782

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan mekanisme pihak Kementerian untuk menangani isu golongan penggiat seni veteran yang tidak menerima bayaran yang setimpal dengan pengalaman dan sumbangan besar mereka terhadap negara.

105. PR-1522-L20574

Tuan Gobind Singh Deo [Damansara] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan apakah status Majlis Media yang dicadangkan dan langkah-langkah seterusnya yang akan diambil buat tujuan untuk mendirikan majlis tersebut.

106. PR-1522-L20448

Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan sama ada dasar baru menerima pakai Dual Wholesale Network (DWN) selepas liputan 5G sebanyak 80% tercapai akan menaikkan kos kepada pengguna dan menjelaskan penyampaian perkhidmatan serta syarikat mana yang terlibat dalam DWN.

107. PR-1522-L20666

Tuan Jamaludin bin Yahya [Pasir Salak] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah perbelanjaan yang digunakan untuk majlis sambutan Aidilfitri di enam negeri baru-baru ini.

108. PR-1522-L20440

Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tentang kemajuan ke atas cadangan memisahkan kuasa Peguam Negara dalam pendakwaan dan sebagai penasihat undang-undang utama negara dan menjadikan Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM) akauntabel kepada Parlimen agar mengukuhkan kebebasan dan mengurangkan penyalahgunaan kuasa dalam kedua-dua badan institusi penting ini.

109. PR-1522-L20924

Tuan Kalam bin Salan [Sabak Bernam] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan mengapa rakaman video takbir Hari Raya Aidilfitri 2023 Ahli Parlimen Pakatan Nasional tidak disiarkan sepatutnya.

110. PR-1522-L20105

Tuan Mohamad Shafizan Haji Kepli [Batang Lupar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah terdapat bantuan dan peruntukan disediakan oleh Kerajaan pusat untuk kerja-kerja mengukur tanah adat (*Native Customary Rights Land*) di Sarawak.

111. PR-1522-L19604

Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya [Putatan] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan dengan lebih terperinci berkenaan program-program serta peruntukan kewangan yang telah dirancang untuk kemudahan penjaja dan peniaga kecil di Sabah terutamanya kawasan Parlimen Putatan dalam usaha Kementerian mempertingkat status ekonomi rakyat.

112. PR-1522-L20101

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan isu keselamatan siber Malaysia seperti penipuan internet, *phishing* dan *ransomware*. Apakah langkah yang boleh diambil untuk menambah bakat dalam National Cyber Security Agency Malaysia.

113. PR-1522-L21045

Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey Gapari Kitingan [Keningau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan susulan isu-isu yang dibangkitkan semasa Taklimat Tuntutan Sulu pada 5 Mei 2023:-

- (a) mengapa Kerajaan tidak membawa naratif bahawa sejarah Perjanjian Sulu 1878 bermula dengan Perjanjian Brunei 29 Disember 1877 dan bukan bermula dengan Perjanjian Sulu 1878; dan
- (b) pandangan undang-undang bahawa Perjanjian Brunei 1877 di antara Sultan Brunei dan Overbeck telah membuktikan bahawa Perjanjian Sulu 1878 tidak sah dari segi undang-undang dan Sultan Sulu tidak mempunyai segala hak atau kepentingan ke atas Sabah.

114. PR-1522-L19566

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa jumlah Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) yang telah ditubuhkan sejak pembentukan Malaysia pada 1963 dan adakah RCI-RCI tersebut telah berjaya menyelesaikan masalah yang disiasat.

115. PR-1522-L19789

Datuk Seri Haji Jalaluddin bin Haji Alias [Jelebu] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah projek-projek berskala besar yang bakal dilaksanakan di Negeri Sembilan yang boleh menjadi pemangkin ekonomi rakyat Negeri Sembilan.

116. PR-1522-L19834

Puan Young Syefura binti Othman [Bentong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah Seksyen 14 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 akan dipinda bagi memastikan bahawa sebuah Jawatankuasa Tetap Parlimen yang bebas daripada pengaruh kuasa eksekutif Perdana Menteri dapat ditubuhkan bagi mengawal selia isu-isu berkaitan dengan SPRM dan Anti-Rasuah.

117. PR-1522-L19981

Dato' Sri Doris Sophia anak Brodi [Sri Aman] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan langkah-langkah segera Kementerian bagi menangani masalah jenayah buli siber dan mesej-mesej penipuan (*hoax messages*) yang berleluasa akhir-akhir ini.

118. PR-1522-L20030

Dr. Mohammed Taufiq bin Johari [Sungai Petani] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini usaha-usaha untuk mengasingkan kuasa Pendakwaraya daripada jawatan Peguam Negara bagi memastikan integriti perundungan dan kebebasan institusi, sepetimana gesaan oleh Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia (APPGM) Integriti, Governans dan Anti Rasuah sebelum ini.

119. PR-1522-L20013

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) tempoh masa yang ditetapkan bagi menyelesaikan setiap satu daripada baki empat perkara yang masih belum dilaksanakan sepetimana yang dikemukakan oleh Kerajaan Sabah dan Sarawak dalam Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet untuk Menyemak Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963; dan
- (b) status terkini baki 17 perkara yang telah dipersetujui secara bersama di antara Kerajaan Sabah dan Sarawak.

120. PR-1522-L19506

Tuan Ganabatirau A/L Veraman [Klang] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan Klang telah diperkasakan sebagai Bandaraya Warisan Diraja dan pelabuhan yang berdaya saing di peringkat global dengan menekankan pembangunan mampan secara holistik dan berimejkan Bandar Warisan dan Digital menjelang tahun 2035. Namun, Klang masih tidak mempunyai satu institusi pengajian tinggi awam bagi menampung kapasiti rakyat di Klang. Maka, adakah Kementerian bercadang untuk membina sebuah mercu pendidikan iaitu Institusi Pendidikan Tinggi Awam di Klang.

121. PR-1522-L20223

Dato' Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [Balik Pulau] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan perancangan Kementerian untuk meningkatkan *Creativity and Literary Efforts* di IPTA/IPTS Malaysia.

122. PR-1522-L20222

Tuan Haji Yusuf bin Abd. Wahab [Tanjong Manis] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan menyatakan bilakah jualan murah RAHMAH bahan-bahan keperluan akan dimulakan di Parlimen Tanjong Manis. Berapa jumlah peruntukan dan subsidi disediakan untuk Parlimen Tanjong Manis.

123. PR-1522-L20432

Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah keberkesanan Pusat Respons Scam Kebangsaan (NSRC) sejak ia mula ditubuhkan dalam menangani kes jenayah penipuan kewangan dalam talian atau *scam* secara menyeluruh.

124. PR-1522-L20778

Dr. Siti Mastura binti Muhammad [Kepala Batas] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) dasar Kerajaan terhadap pelarian Rohingya dan bantuan kebajikan; dan
- (b) tempoh kependudukan pelarian Rohingya yang mempunyai kad UNCHR.

125. PR-1522-L19922

Puan Rodziah binti Ismail [Ampang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan iltizam Kerajaan Persekutuan menyemak semula dan memperbetulkan terma dan syarat berat sebelah dalam perjanjian konsesi yang dimeterai sejak 1983, pertama kali Dasar Penswastaan Negara diumumkan serta mengheret pesalah laku ke mahkamah sementelah Malaysia tersenarai no. 3 dalam *crony-capitalism index* 2023.

126. PR-1522-L19514

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [Jelutong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tindakan yang telah diambil oleh pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia mengenai laporan wang tunai (sedekah) yang telah dibayar kepada pengundi-pengundi di Terengganu semasa Pilihan Raya Umum Ke-15. Kenapa tidak ada mana-mana pihak yang dituduh sehingga sekarang.

127. PR-1522-L19687

Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Bandar Tun Razak] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan projek Orchre Alamanda Business Suites di Putrajaya dan nyatakan status kemajuan pembinaan bangunan ke-2, ke-3 dan ke-4, mengambil kira Kerajaan mempunyai kepentingan melalui pemaju Putrajaya Holdings.

128. PR-1522-L19591

Tuan Yuneswaran A/L Ramaraj [Segamat] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan konsep pelaksanaan Program Daya Saing Negara dan bagaimana program yang diperuntukkan sebanyak RM3 juta ringgit tersebut berupaya mendorong perkembangan sektor kerja yang berupaya mewujudkan persekitaran pekerjaan yang kompetitif khususnya dalam aspek penggajian pekerja.

129. PR-1522-L20453

Dato' Sri Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah Kementerian meneruskan keputusan Kerajaan Perikatan Nasional yang bersetuju membuat perolehan kereta elektrik (EV) untuk program LIMA '23 yang sedang berlangsung, jika ya, nyatakan jumlah kenderaan itu dan jumlah kos bagi setiap kereta EV yang diperoleh.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R 18/2023) Rang Undang-Undang Tenaga Boleh Baharu (Pindaan) 2023. **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar Dan Perubahan Iklim]

2. (D.R 19/2023) Rang Undang-Undang Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (Pindaan) 2023. “

[Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar Dan Perubahan Iklim]

3. PR-1522-U(27)254
Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menyegerakan pembinaan dan baik pulih tembok sempadan Malaysia-Thailand supaya merangkumi keseluruhan perbatasan dari Perlis hingga Kelantan dan menyediakan suatu pelan tindakan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia-Thailand. Sempadan Malaysia-Thailand adalah sepanjang kira-kira 656km namun hanya 111 km sahaja yang berpagar. Sebahagian tembok sempadan antara Malaysia dan Thailand di sepanjang Laluan Keselamatan dan Pembangunan (KESBAN) dilihat sudah usang manakala peralatan kamera litar tertutup (CCTV) dan alat pengimbas perlu ditambah, dibaik pulih dan dinaik taraf dengan teknologi terkini seperti penggunaan dron. Beberapa insiden pada masa lalu seperti kes tembakan ke atas pasukan keselamatan negara dan bermaharajalelanya sindiket pemerdagangan manusia seperti yang berlaku di insiden Wang Kelian serta penyeludupan barang termasuk dadah dan senjata menunjukkan betapa kritikalnya keperluan untuk meningkatkan tahap keselamatan di perbatasan. Kerajaan Malaysia sebelum ini telah memberikan komitmen untuk membina tembok sempadan tersebut tetapi sehingga terkini masih tiada pelan pembangunan komprehensif dan terperinci yang diumumkan. Mohon pihak Kerajaan memandang serius perkara ini dengan menyegerakan pembangunan tembok sempadan Malaysia-Thailand secara menyeluruh dan memastikan suatu pelan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia-Thailand agar benar-benar berkesan menjamin keselamatan perbatasan negara."

[Perdana Menteri]

4. PR-1522-U(27)255

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan menubuhkan badan siasatan bebas bagi mengenal pasti secara terperinci punca utama yang menyebabkan kekurangan bekalan bahan makanan mentah seperti ayam dan telur ayam di pasaran serta merangka perancangan penyelesaian jangka pendek dan panjang yang komprehensif termasuk penguatkuasaan terhadap golongan kartel orang tengah serta menambahkan daya pengeluaran bekalan bahan mentah tempatan. Rakyat baik dari kalangan pengguna mahupun pengusaha restoran kecil masih mengeluh dengan permasalahan ini yang menyebabkan kenaikan harga bahan makanan mentah. Kerajaan tidak seharusnya melepaskan tanggungjawab menjaga keterjaminan bekalan bahan mentah makanan kepada individu (sebagai *end user*) mahupun menyarankan penyelesaian jalan mudah seperti menambah import makanan tetapi mencari penyelesaian sepanjang rangkaian jaringan bekalan bahan makanan mentah."

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

5. PR-1522-U(27)256

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mengkaji dan merancang satu inisiatif khas bagi memastikan setiap rakyat dan keluarga Malaysia terutamanya dari golongan B40 dan M40 mampu memiliki kediaman pertama dengan menyediakan rumah mampu milik berharga RM200,000 dan ke bawah baik di luar dan di dalam bandar. Dasar Perumahan Negara (2018-2025) sendiri memperakui bahawa isu kemampuan memiliki rumah semakin ketara di kalangan rakyat dan impak kenaikan harga rumah yang mendadak turut dirasai golongan M40 selain B40. Inisiatif khas untuk menyediakan kemudahan rumah pertama pada harga di bawah RM200,000 dan ke bawah ini hendaklah dijadikan salah satu sasaran kajian semula Dasar Perumahan Negara dan memerlukan input dari pelbagai Agensi dan Kementerian serta pihak bukan Kerajaan dan bukan dari satu Kementerian sahaja. Isu kemampuan memiliki rumah pertama jika tidak ditangani akan mewujudkan generasi rakyat yang sentiasa menyewa tanpa mendapat peluang memiliki perumahan sendiri. Golongan generasi ini akan terus menjadi mangsa kepada harga harta tanah yang melambung akibat spekulasi harta tanah dan tanpa kawalan harga sehingga menjadikan harga di luar kemampuan sebenar golongan M40 dan B40."

[Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan]

6. PR-1522-U(27)257

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya agihan peruntukan pembangunan dan pelaksanaan projek pembangunan kepada enam negeri kurang membangun, iaitu Kedah, Kelantan, Perlis, Sabah, Sarawak dan Terengganu seperti yang direncanakan di dalam Pelan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) dapat dilaksanakan secepat mungkin. Berdasarkan pelan RMK-12 tersebut, enam negeri kurang membangun akan terus diberi keutamaan dengan agihan sekurang-kurangnya 50% daripada keseluruhan peruntukan Perbelanjaan Pembangunan Asas Persekutuan. Ini akan mempercepat penyediaan infrastruktur dan kemudahan asas serta menjana lebih banyak peluang ekonomi di negeri kurang membangun dan mengurangkan jurang pembangunan."

[Menteri Ekonomi]

7. PR-1522-U(27)258

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mengkaji semula peruntukan khas yang boleh diberikan kepada pekebun kecil, penternak dan nelayan yang terjejas akibat bencana alam seperti banjir dan musim tengkujuh. Kerosakan tanaman dan kematian ternakan seringkali mendatangkan kerugian besar hingga kepada jutaan ringgit setiap kali berlaku bencana alam. Dengan situasi semasa ekonomi negara yang tidak stabil juga secara tidak langsung akan memberi tekanan kepada kos sara hidup pekebun kecil, penternak dan nelayan yang kebanyakannya bergantung harap kepada sumber pendapatan tersebut sahaja. Maka pemberian peruntukan khas ini dapat menambah baik kehidupan mereka."

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

8. PR-1522-U(27)259

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan melaksanakan satu perancangan persediaan dan pengurusan risiko bagi menghadapi bencana alam dapat disemak semula akibat impak perubahan iklim yang sangat drastik sejak kebelakangan ini. Hal ini demikian kerana perancangan rapi penting bagi memastikan tahap kesiapsiagaan anggota terlibat berada di tahap yang tinggi. Di samping itu, Kerajaan juga perlu merencana satu langkah holistik bagi mendidik masyarakat agar bersiap siaga untuk menghadapi bencana alam kerana kesedaran terhadap isu ini di dalam kalangan masyarakat masih berada di tahap yang rendah berdasarkan peristiwa bencana alam yang lepas."

[Perdana Menteri]

9. PR-1522-U(27)260

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan menyemak semula garis panduan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) mengenai isi kandungan media sosial yang sensitif serta tidak sesuai dengan agama Islam dan budaya tempatan seperti kandungan yang pro-LGBT dan pro-liberalisme. Misalnya, SKMM baru-baru ini telah bekerjasama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk memantau penyebaran klip-klip video sensitif yang berbaur provokasi dengan niat mencetuskan ketidakharmonian, kebencian dan prejudis. Oleh hal demikian, Kerajaan digesa supaya melakukan tindakan yang sama bagi menangani penularan isi kandungan pro-LGBT dan pro-liberalisme di media sosial. Tindakan ini adalah penting untuk memastikan martabat Islam sebagai agama rasmi negara terpelihara dan budaya tempatan dihormati. "

[Menteri Komunikasi dan Digital]

10. PR-1522-U(27)261

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menyediakan perancangan, peruntukan dan prasarana kepada pelajar-pelajar universiti, kolej, STPM dan SPM bagi menghadapi kaedah pembelajaran alaf baru seperti pembelajaran dalam talian dan menggunakan media elektronik. Ini bagi memboleh dan mendedahkan mereka ke alam teknologi siber dan e-pembelajaran yang semakin berkembang yang seterusnya memerlukan guru-guru yang terlatih dalam pendidikan alaf baru."

[Menteri Pendidikan]

11. PR-1522-U(27)262

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mewujudkan pusat benih padi khusus di kawasan utara khasnya di Arau, Perlis bagi membekalkan benih-benih padi yang bermutu tinggi dan mencukupi serta membolehkan penyelidikan yang agresif dibuat bagi menghasilkan benih padi baru. Pusat Benih Padi adalah penting untuk mengumpul benih padi yang lebih berdaya komersial, lebih berdaya tahan iklim (*climate resistant*) dan sesuai dengan cuaca di kawasan utara Semenanjung Malaysia. Pusat ini juga boleh berperanan menjalankan kajian di peringkat serantau dan melibatkan penyelidik daripada negara-negara jiran seperti Thailand, Indonesia, Filipina dan Myanmar yang mempunyai tanaman dan baka padi yang berdaya komersial tinggi."

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

12. PR-1522-U(27)263

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan menyediakan pelan tindakan yang komprehensif untuk menangani kadar pengangguran semasa yang dijangka meningkat terutamanya di dalam kalangan graduan universiti, penduduk luar bandar dan golongan miskin bandar. Pelan tindakan ini amat diperlukan memandangkan keadaan ekonomi global juga bakal meruncing pada tahun 2023 dan kadar pelaburan asing di Malaysia akan terjejas. Dengan situasi ekonomi terkini, lambakan penganggur akan menyebabkan peningkatan jumlah golongan B40 dan B20 akibat peningkatan kos sara hidup."

[Menteri Sumber Manusia]

13. PR-1522-U(27)264

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya meneruskan usaha untuk memberi bantuan semula kepada pesawah menerusi bajet 2023. Dalam ucapan bajet 2023 yang lepas, Kerajaan mengumumkan bantuan sebanyak RM200 sebulan bagi tempoh tiga bulan kepada 240 ribu penerima yang layak. Anggaran keseluruhan perbelanjaan bantuan tersebut adalah lebih kurang RM228 juta. Justeru itu, Kerajaan digesa agar mempercepatkan saluran bantuan tersebut kepada pesawah yang memerlukan bagi menyokong pengorbanan mereka sebagai tonggak utama dalam menghasilkan makanan ruji utama rakyat Malaysia iaitu beras. Kebanyakan petani di utara Semenanjung Malaysia mempunyai kawasan sawah padi yang luas serta subur yang juga sesuai ditanam pelbagai jenis tanaman seperti kelapa sawit. Walau bagaimanapun, para pesawah ini masih meneruskan tanaman padi bagi menjamin kelangsungan makanan ruji utama negara. Oleh hal demikian, Kerajaan diharapkan dapat menghargai pengorbanan para pesawah ini."

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

14. PR-1522-U(27)265

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan melaksanakan segera projek-projek tebatan banjir di seluruh negara untuk memastikan projek ini dilaksanakan secara holistik dan dapat mencari jalan penyelesaian kepada isu banjir yang semakin meruncing akibat kesan perubahan iklim dan pembangunan yang tidak mesra alam. Antara projek yang perlu dilaksanakan segera adalah seperti Projek Pembangunan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Golok (KESBAN) dan Sungai Kelantan. Dengan pembinaan projek tersebut, risiko banjir besar dapat dikurangkan. Di samping itu, projek tebatan banjir di Selangor khususnya di Shah Alam dan bandar Kuala Lumpur juga diharapkan dapat dilaksanakan dengan komprehensif agar dapat menangani masalah banjir kilat."

[Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim]

15. PR-1522-U(27)266

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya melaksanakan tindakan kawalan yang lebih ketat berkenaan jualan arak. Garis panduan yang khusus perlu dikaji dan diwujudkan oleh Kerajaan bagi mengawal penjualan arak yang meliputi waktu dan tempat jualan arak yang seragam dan boleh diguna pakai di seluruh negara bagi tujuan mengelakkan masalah sosial yang sering timbul seperti masalah rumah tangga dan kemalangan jalan raya. Oleh hal yang demikian, keseragaman tindakan daripada Kementerian Kewangan dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah amat diperlukan sekiranya ingin melaksanakan tindakan kawalan yang lebih ketat terhadap jualan arak kerana ketika ini ketidakseragaman tindakan antara dua entiti ini menjadi antara punca kawalan jualan arak tidak dapat dilaksanakan secara efektif dan efisien."

[Menteri Kewangan]

16. PR-1522-U(27)267

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membentuk satu pasukan petugas khas bagi memberi perhatian terhadap isu pencerobohan sempadan yang berlaku di Sabah dan Sarawak. Seperti di ketahui, Sabah dan Sarawak pula berkongsi sempadan darat sejauh 2,019.5km dengan Kalimantan, Indonesia. Daratan Negara Brunei Darussalam dibatasi sepenuhnya oleh Sarawak sepanjang 481.3km. Kebanyakan kawasan perbatasan Malaysia bersama negara-negara jirannya terletak di kawasan perbukitan yang diliputi hutan tebal dan kawasan perairan laut menyebabkan kawalan terhadap kawasan-kawasan ini sulit dilakukan. Oleh sebab itu, masalah pencerobohan, penyeludupan, pemerdagangan manusia dan perdagangan narkotik adalah antara isu yang saban tahun masih berlaku dan sukar ditumpaskan. Dengan siapnya Lebuhraya Sematan – Telok Melano juga baru-baru ini secara tidak langsungnya meningkatkan risiko pencerobohan sempadan sama ada melalui darat dan laut terutamanya melalui Taman Negara Tanjong Datu. Oleh hal yang demikian, tindakan segera Kerajaan bagi mencari solusi terbaik kepada masalah kawalan sempadan ini adalah amat diharapkan."

[Menteri Dalam Negeri]

17. PR-1522-U(27)246

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan mencari penyelesaian untuk mengurangkan kos pengambilan pekerja asing yang kian melambung tinggi. Kebergantungan majikan tempatan terhadap pekerja asing berbanding pekerja tempatan di negara ini bukanlah perkara asing terutama dalam sektor 3D (*dirty, dangerous and difficult*).

Maka, adalah penting untuk mewujudkan satu dasar yang lebih komprehensif bagi mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing agar pekerja tempatan diberi keutamaan terlebih dahulu dengan reformasi terhadap ekosistem sektor 3D meliputi kadar gaji, faedah dan sebagainya yang berpadanan dengan risiko pekerjaan perlu diimplementasikan secara berseiringan. "

[Menteri Sumber Manusia]

18. PR-1522-U(27)247

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk mewujudkan satu dasar mengutamakan sajian menu buah- buahan tempatan di semua majlis rasmi Kerajaan sebagai galakan dan sokongan kepada pemain industri buah-buahan tempatan serta ke arah membudayakan amalan pemakanan sihat.

Adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan bagi membantu pengusaha buah-buahan tempatan untuk memasar serta mempromosi hasil ladang mereka dan sekali gus meningkatkan pendapatan. Maka melalui sajian menu buah-buahan di kesemua majlis rasmi Kerajaan perlu dibudayakan sepenuhnya sebagai sokongan terhadap industri buah-buahan tempatan. "

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

19. PR-1522-U(27)248

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk mengutamakan penternak dan pengeluar tempatan. Sementara Kerajaan tidak mengawal harga telur import dari luar negara ke Malaysia, maka adalah adil untuk Kerajaan menghapuskan kawalan harga terhadap telur ayam kerana "unfair advantage" kepada para pengimpor telur ayam dalam saingan sedangkan penternak-perternak tempatan pula mengalami kerugian akibat kos pengeluaran yang tinggi.

Keputusan Kerajaan untuk mengimport telur ayam daripada beberapa sumber luar seperti India dan Thailand sebagai langkah jangka pendek untuk memastikan bekalan mencukupi bukanlah penyelesaian yang tuntas dan ia sebenarnya adalah suatu tindakan yang mendiskriminasi penternak dan pengeluar tempatan memandangkan Malaysia pernah diangkat sebagai pengeksport telur kelima terbesar di dunia ketika era sebelum pandemik COVID-19.

Sebagai sebuah Kerajaan yang berpaksi kukuh di atas mandat rakyat, adalah disarankan agar Kerajaan tidak membuat keputusan secara tergesa-gesa dan bersifat dangkal memandangkan penternak dan pengeluar tempatan yang menanggung implikasinya secara total serta satu mekanisme yang lebih ampuh perlu dilandaskan bagi membela nasib penternak dan pengeluar tempatan."

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

20. PR-1522-U(27)249

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk mengambil tindakan segera terhadap masalah dan kesukaran para penumpang menuntut balik wang yang telah dibayar kepada syarikat-syarikat penerbangan untuk tempahan tiket penerbangan akibat pembatalan penerbangan oleh syarikat penerbangan semasa pandemik dan pasca COVID-19.

Ramai penumpang menghadapi kesukaran menukar "credit shell" kepada pembayaran tiket penerbangan disebabkan pelbagai sekatan dan syarat-syarat yang dikenakan. Gejala ini semakin serius berikutan pembatalan penerbangan yang sangat kerap oleh syarikat-syarikat penerbangan serta tiada pembayaran balik secara tunai kepada penumpang.

Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) digesa untuk menyiasat perkara ini serta mengambil tindakan terhadap mana-mana syarikat penerbangan yang mengenakan syarat-syarat ketat dan tidak munasabah dalam soal "redemption of credit shell" demi melindungi kepentingan penumpang."

[Menteri Pengangkutan]

21. PR-1522-U(27)251

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan perancangan jangka masa panjang yang menyeluruh dalam memastikan dasar perolehan di peringkat Kerajaan dapat memberi manfaat kepada syarikat-syarikat tempatan sekali gus merancakkan ekonomi di peringkat domestik dengan peningkatan peluang pekerjaan, penambahan pendapatan dan peningkatan produktiviti.

Dalam membantu syarikat tempatan kekal berdaya saing dan memastikan survival mereka dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu, Kerajaan harus memainkan peranan untuk membantu mereka dan memastikan perolehan kerajaan diisi oleh syarikat-syarikat ini yang berkemampuan memenuhi kriteria yang ditetapkan. Ini termasuk sektor pengangkutan, pembuatan, kesihatan, perkilangan, perkilangan, dan semua sektor lain.

Dalam sesebuah projek Kerajaan, selain pemberian projek, ia juga akan melibatkan pembekalan komponen, barang mentah dan input yang berlainan. Kerajaan harus memastikan syarikat-syarikat tempatan mendapat manfaat di setiap lapisan perolehan yang dibuat, bersesuaian dengan kemampuan dan kualiti yang ditawarkan.

Kerajaan juga dalam masa sama perlu merangka modul yang menetapkan standard supaya syarikat-syarikat tempatan di setiap sektor dapat memastikan produk mereka menepati piawaian yang ditetapkan."

[Menteri Kewangan]

22. PR-1522-U(27)252

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan secara menyeluruh dan terperinci berkenaan perancangan Unit Perancangan Ekonomi (EPU) terhadap polisi ekonomi gig yang lebih mampan. Dalam ketidaktentuan ekonomi yang berlaku beberapa tahun ini, sektor ini telah menjadi pilihan graduan, OKU, ibu tunggal, pesara dan penganggur dalam kalangan B40 untuk menyara keluarga mereka.

Antara masalah yang mereka hadapi adalah ketiadaan polisi khusus untuk menjaga kebajikan mereka, mereka tidak mendapat faedah gaji minimum, pendapatan yang tidak konsisten bergantung kepada permintaan aplikasi dan mereka tidak diiktiraf di bawah Akta Kerja 1955, Ordinan Buruh (Sabah Bab 67) dan Ordinan Buruh (Sarawak Bab 67).

Dengan perkembangan pesat ekonomi digital kini, Kerajaan seharusnya merancang dan mengiktiraf pekerja dalam sektor ini yang menjadi salah satu penyumbang kepada ekonomi negara, dalam masa sama menjaga kebajikan mereka dengan mengimbangi perkembangan daya saing mereka dalam pelbagai bidang."

[Menteri Ekonomi]

23. PR-1522-U(27)253

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk mewujudkan sebuah model, kaedah dan pendekatan patuh syariah yang memudahkan rakyat terkesan seperti kemiskinan situasi, bencana alam, kejutan ekonomi merudum dan sebagainya mendapatkan bantuan kewangan melalui pinjaman tanpa/rendah faedah bagi memastikan mereka dapat memastikan kelangsungan kehidupan keluarga terjamin dalam situasi pertumbuhan ekonomi yang agak perlahan.

Keadaan semasa mereka yang menghadapi kesulitan hidup memilih jalan pintas untuk keluar dari kemelut tanpa memikirkan kesan jangka panjang yang akhirnya akan menimbulkan keretakan struktur sosial negara yang pasti menjelaskan pembentukan generasi mendatang serta keutuhan institusi keluarga.

Kerajaan perlu mengatasi perkara ini segera kerana ia akan memberi kesan langsung kepada bakat negara dan penentuan peningkatan produktiviti."

[Menteri Kewangan]

24. PR-1522-U(27)250

Dato' Verdon bin Bahanda [Kudat] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini mengesak Kerajaan mengkaji persempadanan semula kawasan pilihan raya di Sabah dan Sarawak melalui tambahan jumlah kerusi Parliment di wilayah Sabah dan Sarawak untuk mencukupkan jumlah 35% kerusi dari wilayah Sabah dan Sarawak atau sekurang-kurangnya 7 kerusi bagi wilayah Sabah. Melalui usul ini, saya mengusul agar Parliment Kudat dengan keluasan 2300 kilometer persegi di mana terdapat 2 daerah penuh dan 1 daerah kecil dengan kedudukan geografi yang terpisah dapat dibahagi kepada dua kawasan Parliment."

[Perdana Menteri]

25. PR-1522-U(27)268

Dr. Mohammed Taufiq bin Johari [Sungai Petani] akan mencadangkan :

"Bahawasanya Dewan yang mulia ini meluluskan satu ketetapan supaya konsep MADANI yang berteraskan kemampunan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan menjadi gagasan pentadbiran negara."

[Perdana Menteri]

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)**

<u>TAHUN 2023</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST. 51	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara Bagi Tahun 2021	25 Mei 2023
ST. 103	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Sains Malaysia Bagi Tahun 2021	25 Mei 2023
ST. 140	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) Bagi Tahun 2020	25 Mei 2023

****UCAPAN- UCAPAN**
(PERATURAN MESYUARAT 17)
(KAMAR KHAS)

Tarikh Ucapan	Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
1. 25.05.2023 (Khamis)	1. YB Tuan Chow Yu Hui (Raub)	1. Larangan Pemanduan Kenderaan Barang dan Sayuran di Cameron Highlands pada Hujung Minggu	1. YB Menteri Kerja Raya
2. 25.05.2023 (Khamis)	2. YB Tuan Chow Yu Hui (Raub)	2. Pasaran Durian Malaysia	2. YB Menteri Pertanian Dan Keterjaminan Makanan
3. 25.05.2023 (Khamis)	3. YB Dr. Ahmad Fakhruddin bin Fakhrurazi (Kuala Kedah)	3. Penambahbaikan Infrastruktur Pertanian dalam Parlimen Kuala Kedah	3. YB Menteri Pertanian Dan Keterjaminan Makanan
4. 25.05.2023 (Khamis)	4. YB Dr. Ahmad Fakhruddin bin Fakhrurazi (Kuala Kedah)	4. Keselamatan Penduduk di Pesisir Pantai dalam Parlimen Kuala Kedah	4. YB Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar Dan Perubahan Iklim

**** Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**